

Penjelasan TPM pemberian biasiswa kerajaan-luar dan dalam negara

**TEKS kenyataan Akhbar Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai program penajaan JPA 2010 bagi tahun SPM 2009**

**KENYATAAN** akhbar ini bertujuan menjelaskan kekeliruan para pelajar dan ibu bapa mengenai kaedah pengurusan dan penawaran biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tahun 2010 bagi pelajar-pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009.

Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) semanganya meruncamkan penajaan biasiswa kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negara pada peringkat Ijazah Pertama.

Tajaan biasiswa memberi fokus kepada bidang-bidang kritikal seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Sains Perubatan Veterinar, Kejuruteraan, Sains & Teknologi serta Sains Sosial. Ini kerana tenaga sumber manusia dalam bidang tersebut amat diperlukan oleh perkhidmatan awam dan negara.

Program Penajaan JPA bagi tahun 2010 terdiri daripada:

**i. PROGRAM IJAZAH LUAR NEGERA (PILN)**

Program Ijazah Luar Negara (PILN) merupakan program penajaan kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM untuk mengikuti program Ijazah Pertama di universiti luar negara.

PILN 2010 ditawarkan khusus kepada lepasan SPM 2009 yang memperoleh keputusan cemerlang berdasarkan kombinasi 9 mata pelajaran mengikut bidang pengajian yang dipohon pelajar.

Untuk PILN 2010, kerajaan menyediakan sebanyak 1,500 biasiswa. Permohonan telah dibuka melalui laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) mulai 11 hingga 17 Mac 2010.

Kriteria yang diguna pakai untuk pemilihan/penawaran biasiswa kerajaan/JPA adalah seperti berikut:

- Pencapaian akademik;
- Penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum;
- Sosio-ekonomi/latar belakang keluarga; dan
- Prestasi temu duga.

Ringkasan kriteria pemilihan, bidang dan agihan bagi penajaan PILN mengikut kategori yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Januari 2009 adalah seperti berikut:

**ASAS-ASAS KATEGORI PILN**

	1 KECEMERLANGAN AKADEMIK	2 POPULASI KAUM	3 BUMIPUTERA SABAH & SARAWAK	4 SOCIALY & DISADVANTAGED
--	--------------------------------	-----------------------	---------------------------------------	---------------------------------

**PRESTASI AKADEMIK** Minimum 9A dalam semua mata pelajaran mengikut bidang pengajian yang dipohon

**KRITERIA PEMILIHAN** 85% - akademik  
10% - kokurikulum  
5% - temu duga  
- Ujian Khas

**BILANGAN TEMPAT** 20%  
60%  
B - Melayu - 51%  
Sabah - 8%  
Sarawak - 7%  
Lain-lain - 1%  
B.B - Cina 25%  
- India 7%  
- Lain-lain 1%

**BIDANG** Kritikal (Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Perubatan Veterinar), Profesional (Kejuruteraan, Perakaunan, Undang-undang, dan Senibina) Strategik (Sains, Bioteknologi, Sains Pertanian dan Teknologi Maklumat), Keutamaan (Perancangan Bandar, Uluu Bahan, Sains Sosial dan Sastra khias) dan bidang-bidang lain yang ditetapkan oleh kerajaan

Pada tahun 2009, seramai 465,853 orang calon telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berbanding seramai 442,936 orang pada tahun 2008.

Berghimohanan PILN 2010, JPA telah menerima sebanyak 18,844 permohonan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 10,956 permohonan diterima daripada kalangan calon yang melepasi syarat/grad minimum yang telah ditetapkan mengikut bidang pengajian.

Peningkatan bilangan calon ini menjadikan PILN 2010 lebih kompetitif. Pecahan tersebut adalah seperti berikut:

BIL. KAUM	MOHON		TEMU DUGA	
	BIL. CALON	%	BIL. CALON	%
<b>1. Bumiputera</b>	8,948	47	3,929	36
Melayu	8,303	44.06	3,696	33.73
Bumiputera Sarawak	339	1.80	128	1.17
Bumiputera Sabah	301	1.60	102	0.93
Lain-lain	5	0.03	3	0.03
<b>2. Bukan Bumiputera</b>	9,896	53	7,027	64
Cina	7,937	42.12	5,951	54.32
India	1,810	9.61	1,011	9.23
Lain-lain	149	0.79	65	0.59
<b>JUMLAH</b>	<b>18,844</b>	<b>100</b>	<b>10,956</b>	<b>100</b>

Dua bidang yang paling popular di kalangan calon ialah perubatan dan kejuruteraan. Manakala, negara pengajian pilihan oleh majoriti calon/pelajar ialah United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Sebanyak 847 tempat disediakan bagi pelajar-pelajar yang memohon bidang kritikal (perubatan, pergigian dan farmasi) di pelbagai negara yang antaranya Australia, New Zealand, India, Republik Czech, Poland dan program-program berkembar di Penang Medical College, Melaka Manipal Medical College dan International Medical University.

Bagi bidang kejuruteraan, sebanyak 410 tempat disediakan di negara Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan lain-lain. Manakala bakinya adalah bagi bidang-bidang keutamaan dan strategik yang lain.

Pemilihan pelajar adalah berasaskan merit kriteria dan bidang yang ditetapkan. Penawaran mengikut kategori dan kaum bagi 1,500 pelajar adalah seperti berikut:

BIL. KAUM	KATEGORI 1	KATEGORI 2	KATEGORI 3	KATEGORI 4	JUMLAH
<b>1. Bumiputera</b>	59 20%	557 62%	150 100%	77 51%	843 56%
Melayu	57	480	0	73	610
Bumiputera Sarawak	2	50	75	1	128
Bumiputera Sabah	0	24	75	3	102
Lain-lain	0	3	0	0	3
<b>2. Bukan Bumiputera</b>	241 80%	343 38%	0 0%	73 49%	657 44%
Cina	209	247	0	53	509
India	30	8	0	18	136
Lain-lain	2	88	0	2	12
<b>JUMLAH</b>	<b>300</b>	<b>900</b>	<b>150</b>	<b>150</b>	<b>1,500</b>
	<b>20%</b>	<b>60%</b>	<b>10%</b>	<b>10%</b>	<b>100%</b>

Setelah keputusan PILN diumumkan pada 21 Mei 2010, seramai 59 pelajar telah menolak tawaran JPA dan sebanyak 4,295 rayuan telah diterima. Daripada bilangan tersebut terdapat sebanyak 1,218 rayuan adalah terdiri daripada calon-calon yang mendapat sekurang-kurangnya 9A.

Sehubungan itu, Perdana Menteri pada 9 Jun 2010 telah bersetuju dengan cadangan penambahan sebanyak 250 penajaan di bawah PILN bagi tahun 2010 menjadikan bilangan penajaan keseluruhan sebanyak 1,750.

Penajaan yang ditawarkan mengikut kaum selepas penambahan sebanyak 250 tempat adalah seperti berikut:

BIL. KAUM	JUMLAH
<b>1. Bumiputera</b>	971
Melayu	738
Bumiputera Sarawak	128
Bumiputera Sabah	102
Lain-lain	3
<b>2. Bukan Bumiputera</b>	779
Cina	44.5%
India	603
Lain-lain	161
<b>JUMLAH</b>	<b>1,750</b>
	<b>100%</b>

**ii. PROGRAM IJAZAH DALAM NEGERA (PIDN)**

Selain daripada penajaan ke luar negara, kerajaan turut menaja pelajar-pelajar cemerlang ke IPT tempatan selaras dengan dasar kerajaan dalam memartabatkan IPT tempatan ke arah menjadikan negara sebagai pusat kecermerlangan dalam penyediaan dan pembelajaran.

Selaras dengan hasrat tersebut, sebanyak 100 penajaan disediakan kepada pelajar cemerlang lepasan SPM 2009 yang memilih untuk mengikuti pengajian ke empat buah universiti penyelidikan di Malaysia (Research Universities) yang terdiri daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM). Pecahan penajaan ke universiti penyelidikan adalah seperti berikut:

BIL. KAUM	BILANGAN
<b>1. Bumiputera</b>	31
Melayu	31
Bumiputera Sarawak	0
Bumiputera Sabah	0
<b>2. Bukan Bumiputera</b>	69
Cina	61
India	7
Lain-lain	1
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

Di samping itu, sebanyak 1,900 penajaan telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar cemerlang yang tidak terpilih di bawah PILN untuk mengikuti pengajian ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan kampus-kampus cawangan University of Nottingham, Monash University, Swinburne University of Technology dan Curtin University of Technology serta IPT terpilih untuk bidang-bidang kritikal dan strategik.

Pelajar yang berjaya dipilih akan ditaja di peringkat maklusa/asa-supra-universiti dan seterusnya ke peringkat ijazah pertama sekiranya melepasi syarat akademik yang ditetapkan semasa di peringkat kursus tersebut. Bilangan penajaan yang ditawarkan mengikut kaum adalah seperti berikut:

BIL. KAUM	JUMLAH	%
<b>1. Bumiputera</b>	1,169	62
Melayu	1,169	62
Bumiputera Sarawak	0	0
Bumiputera Sabah	0	0
Lain-lain	0	0
<b>2. Bukan Bumiputera</b>	731	38
Cina	479	25
India	193	10
Lain-lain	59	3
<b>JUMLAH</b>	<b>1,900</b>	<b>100</b>

Secara keseluruhannya bilangan penajaan (PILN dan PIDN) yang telah ditawarkan mengikut kaum dan program untuk tahun 2010 adalah seperti berikut:

BIL. KAUM	PILN	UNIVERSITI PENYELIDIKAN		IPT DAN KAMPUS CAWANGAN		JUMLAH		
		BIL. TAWARAN	%	BIL. TAWARAN	%			
<b>1. Bumiputera</b>	971	55.5	31	31	1,169	62	2,171	58
Melayu	738	42	31	31	1,169	62	1,938	51.7
Bumiputera Sarawak	128	7	0	0	0	0	128	3.4
Bumiputera Sabah	702	6	0	0	0	0	102	2.7
Lain-lain	3	0.5	0	0	0	0	3	0.2
<b>Bukan Bumiputera</b>	779	44.5	69	69	731	38	1,579	42
Cina	603	34	61	61	479	25	1,143	30
India	161	9	7	7	193	10	361	10
Lain-lain	15	1.5	1	1	59	3	75	2
<b>JUMLAH</b>	<b>1,750</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>1,900</b>	<b>100</b>	<b>3,750</b>	<b>100</b>

Bilangan pelajar yang telah ditawarkan penajaan di bawah PILN dan PIDN adalah termasuk semua pemohon yang mendapat sekurang-kurangnya A dalam 9 mata pelajaran.

Bagi menampung kos pengajian pelajar seramai 3,750, kerajaan memerlukan penuntutan sebanyak RM1.9e bilion untuk sepanjang pengajian seperti perincian di bawah:

PROGRAM	BILANGAN BILANGAN	ANGGARAN SEBANYAK PENGAJIAN
		(RM)
PILN Kursus Persediaan Ijazah Pertama di luar negara	1,750	1.3 BILION
<b>JUMLAH</b>	<b>1,750</b>	<b>1.3 BILION</b>
PDN IPT Tempatan	1,500	0.4 BILION
KAMPUS CAWANGAN	500	0.26 BILION
<b>JUMLAH</b>	<b>2,000</b>	<b>0.66 BILION</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>3,750</b>	<b>1.96 BILION</b>

Bagi pelajar-pelajar lepasan SPM yang tidak ditawarkan sebarang penajaan di bawah PILN, mereka masih berpeluang memohon penajaan di bawah Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) sekiranya ditawarkan tempat di peringkat Diploma atau Ijazah Pertama di IPT Tempatan yang ditetapkan oleh kerajaan.